



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


1 JANUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 264 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 240,796 kes. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 150 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 233,690 orang. Manakala 642 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 327 orang di hospital, 314 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 42 orang merangkumi 36 di ICU/repurposed kritikal care serta enam (6) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 16 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat (4)* dan *lima (5)* yang masih belum lengkap vaksin ialah 22 (26.19%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kudat berubah dari zon jingga ke zon kuning.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning sembilan (9) daerah.
- Zon Jingga empat (4) daerah.
- Zon Merah 14 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Seperti yang diramal, trend peningkatan kes harian di Sabah terus berlaku. Hari ini Sabah mencatatkan 264 kes baharu, satu peningkatan sebanyak 33 kes berbanding semalam.
- b. Kota Kinabalu masih lagi merupakan daerah dengan catatan kes tertinggi iaitu 56 kes atau hampir 1/5 daripada jumlah kes di Negeri Sabah. Kluster Bahtera Kinabalu menyumbang 20 kes baharu bagi daerah Kota Kinabalu.
- c. Jumlah daerah yang merekodkan peningkatan kes dan penurunan kes agak setara, yakni masing-masing 11 daerah. Yang membezakan ialah kadar peningkatan kes baharu dibeberapa daerah yang merekodkan pertambahan kes jauh lebih tinggi daripada kadar penurunan kes baharu di daerah-daerah dimana kes harian telah berkurangan. Sebagai misalan, jumlah pertambahan kes baharu di Ranau ialah 23 kes dan di Tuaran 20 kes, sedangkan penurunan yang paling banyak ialah 10 kes di daerah Beaufort. Jumlah kes di lima (5) lagi daerah tidak berubah seperti sebelumnya dan tidak ada kes baharu di enam (6) daerah.
- d. Keberkesanan vaksin terbukti melalui statistik kategori pesakit-pesakit baharu yang rata-rata majoritinya sudah lengkap divaksin. Seramai 257 orang daripada 264 pesakit baharu hari ini berada dalam Kategori 1 dan 2, seorang dalam Kategori 3, dua (2) orang dalam Kategori 4 dan seorang dalam Kategori 5. Pesakit-pesakit Kategori 1 dan 2 hanya sekadar mengalami gejala ringan dan tidak memerlukan rawatan di hospital. Kes yang melibatkan tiga (3) orang pesakit lagi masih dalam penilaian lanjut JKNS
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (122) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	20	7.58%
2	Bergejala	92	34.85%
3	Kontak	122	46.21%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	30	11.36%
JUMLAH		264	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (31 Disember 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 31/12/2021	Catatan Kes 01/01/2022	Perbandingan
1	Ranau	9	32	+23
2	Tuaran	22	42	+20
3	Penampang	26	31	+5
4	Putatan	8	13	+5
5	Keningau	7	12	+5
6	Sipitang	2	6	+4
7	Kota Marudu	6	8	+2
8	Beluran	2	4	+2
9	Kunak	0	2	+2
10	Kinabatangan	2	3	+1
11	Nabawan	0	1	+1
12	Kudat	1	1	Mendatar
13	Kalabakan	0	0	Mendatar
14	Pitas	0	0	Mendatar
15	Semporna	0	0	Mendatar
16	Tongod	0	0	Mendatar
17	Beaufort	18	8	-10
18	Kuala Penyu	10	3	-7
19	Kota Kinabalu	60	56	-4
20	Lahad Datu	5	2	-3
21	Tenom	3	0	-3
22	Telupid	3	0	-3
23	Papar	17	15	-2
24	Tawau	3	1	-2
25	Tambunan	3	2	-1
26	Kota Belud	19	18	-1
27	Sandakan	5	4	-1
JUMLAH		231	264	+33

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 15 Hari (18 Disember – 31 Disember)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	20	9	18	0	9	56	393
Tuaran	0	32	8	0	2	42	297
Ranau	0	27	5	0	0	32	179
Penampang	0	17	13	0	1	31	177
Kota Belud	0	5	11	0	2	18	181
Papar	0	10	5	0	0	15	111
Putatan	0	1	9	0	3	13	103
Keningau	0	4	6	0	2	12	75
Beaufort	0	1	3	0	4	8	81
Kota Marudu	0	5	2	0	1	8	59
Sipitang	0	2	3	0	1	6	37
Sandakan	0	3	0	0	1	4	61
Beluran	0	1	3	0	0	4	24
Kuala Penyu	0	3	0	0	0	3	50
Kinabatangan	0	2	1	0	0	3	12
Lahad Datu	0	0	0	0	2	2	18
Tambunan	0	0	2	0	0	2	53
Kunak	0	0	1	0	1	2	1
Tawau	0	0	1	0	0	1	37
Kudat	0	0	0	0	1	1	18
Nabawan	0	0	1	0	0	1	7
Telupid	0	0	0	0	0	0	11
Tenom	0	0	0	0	0	0	46
Pitas	0	0	0	0	0	0	10
Tongod	0	0	0	0	0	0	22
Semporna	0	0	0	0	0	0	5
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	2
JUMLAH	20	122	92	0	30	264	2,070

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Bahtera Kinabalu	20
	Jumlah	20

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,208 unit

- Hospital 1,321 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,697 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 15.26%

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 1 JANUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	254
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	8
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
Jumlah	264

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Arab Saudi	1
Emiriah Arab Bersatu	3
Australia	1
Singapura	1
Turki	1
Korea Selatan	1
Jumlah	8

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Kedah	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	257
Bukan Malaysia	7
Jumlah	264

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	40
Belum Menerima Vaksin	38
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	171
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	15
Jumlah	264

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	2
1 to 5	20
6 to 11	18
12 to 17	16
18 to 25	34
26 to 59	140
>60	34
Jumlah	264

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 31 Disember 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,715 orang. Daripada jumlah ini, seramai 3,620 orang adalah penduduk dewasa dan 95 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 31 Disember 2021 adalah seramai 2,449,214 orang. Ini meliputi 2,112,998 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.60% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,403,776 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,092,490 orang atau 75.86% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 336,216 orang atau 77.47% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 311,286 atau 71.72% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **679,876** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,038 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 45 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 129 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 38 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

4

Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 1,109 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada notis dan kompaun dikeluarkan pada hari ini.
 - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 218 premis perniagaan dan 256 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 194 Premis Perniagaan melibatkan 121 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.
- 7 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 98 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.3%
2	Semporna	98.2%
3	Keningau	98.2%
4	Tawau	98.2%
5	Kinabatangan	98.1%
6	Tenom	98.1%
7	Beaufort	98.1%
8	Kota Marudu	98.1%
9	Kudat	98.1%
10	Sandakan	98.1%
11	Kota Belud	98.1%
12	Tuaran	98%
13	Beluran	98%
14	Ranau	98%
15	Kota Kinabalu	98%
16	Sipitang	98%
17	Lahad Datu	98%
18	Papar	98%
19	Penampang	98%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II